

ورتا فنرشن Warta Penerangan



NOVEMBER 2019



مقرنکلنکن اقليکاسي موده اليه جابتن ڤرنغون



InfoDeptBN



Dapatkan aplikasi dan muat turun di

Available on the
App Store

GET IT ON
Google Play


Memperkenalkan

Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
 - Pelaksanaan Yang **Cepat** Dan **Mudah**
 - Menjurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'



**DI MANAKAH
AWDA BOLEH
MENDAPATKAN
NASKHAH
PELITA BRUNEI ?**

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

1. Ibu Pejabat Jabatan Penerangan (Drive-thru & Kaunter)
2. Giant Mall, Tasek Rimba
3. Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei
4. Hospital RIPAS (Pesakit Luar dan Pusat Kesihatan Wanita & Kanak-kanak)
5. Pusat Kesihatan PAPHMWHB, Kg. Rimba, Gadong
6. Pusat Kesihatan Berakas, Lambak Kanan
7. Pusat Kesihatan Muara
8. Pusat Kesihatan Jubli Emas Perpindahan Kg. Bunut
9. Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong
10. Pusat Kesihatan Pengkalan Batu
11. Pusat Kesihatan PAPHRSB, Sungai Asam
12. Stesen Minyak KOPPMB Jln Menglait
13. Stesen Minyak GADONG Jln Gadong
14. Stesen Minyak SHAHRYZA Kg. Perpindahan Bunut
15. Stesen Minyak TASAMUL Kg. Lumapas B
16. Stesen Minyak BEBATIK Kg. Bebatik
17. Stesen Minyak KUPB Kg. Jangsak
18. Stesen Minyak AMANAH Kg. Kilanas
19. Stesen Minyak BADAN TANMIAH Kg. Kuala Lurah
20. Stesen Minyak MAR'AZMALA Jln Jerudong
21. Stesen Minyak SATENAGA Kg. Tanjung Nangka
22. Stesen Minyak MASJORY Kg. Sengkurong
23. Stesen Minyak MABOHAJ Jln Kebangsaan
24. Stesen Minyak PERSATUAN TIBA Kg. Salambigar
25. Stesen Minyak KOPERASI ITM Kg. Mentiri
26. Stesen Minyak PENGALAYAN Kg. Pengalayan
27. Stesen Minyak DYG MASNI Pekan Muara
28. Stesen Minyak TAIB Kg. Pancha Delima
29. Stesen Minyak BERAKAS Jln Pasir Berakas
30. Stesen Minyak IBA Kg. Lambak Kanan
31. Stesen Minyak TUMASEK Jln Tutong
32. Stesen Minyak TAIB Kompleks Perindustrian Beribi II

DAERAH TUTONG

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Tutong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
2. Petani Mall
3. Hospital PMMPMHAMB
4. Pusat Kesihatan Kg. Sungai Kelugos
5. Pusat Kesihatan Lamunin
6. Pusat Kesihatan Telisai
7. Stesen Minyak KOPERASI KG.KERIAM Kg. Keriam
8. Stesen Minyak PHA BAKAR BIN JAMBOL Kg. Suran
9. Stesen Minyak KODRAT Kg. Lamunin
10. Stesen Minyak KOPEKLAP Kg. Lubok Pulau

DAERAH BELAIT

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Belait (Seria)
2. Pusat Kegiatan Warga Emas
3. Plaza Seria
4. Hospital Suri Seri Begawan
5. Pusat Kesihatan Sungai Liang
6. Stesen Minyak LUMUT Kg. Sungai Bakong
7. Stesen Minyak ROXANA Seria
8. Stesen Minyak SAPAKAT Jln Setia Negara
9. Stesen Minyak SPM KB Jln Panglima

DAERAH TEMBURONG

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Temburong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
2. Terminal Perahu Tambang
3. Kompleks Utama Bumiputra
4. Hospital PIHM
5. Stesen Minyak NEGALANG Kg. Negalang



Jika naskhah Pelita Brunei telah habis, awda juga boleh melayari e-paper Pelita Brunei melalui aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan dengan muat turun *InfoDeptBN*.





**Terbitan Unit Penerbitan Melayu
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri**

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras, Penyemak & Reka Letak
Unit Penerbitan Melayu
dan Unit Seni Grafik

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
Pegawai dan Kakitangan
Jabatan Penerangan

• • • • • • •

WARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.



NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Isi Kandungan

Isi Kandungan	Muka
Jabatan Penerangan kenang perjuangan Nabi	5
Program Masyarakat Bermaklumat terus dipergiatkan	6
Lawatan Program Masyarakat Bermaklumat tingkatkan pengetahuan dan pengalaman	7-8
Galeri Pameran Pelita Brunei	8-9
Semai semangat patriotik pelajar ISB	9
Peroleh pengetahuan menerusi lawatan	10
Unit Hubungan Masyarakat	11
Program Awasi Anak Kitani tingkatkan pengetahuan ibu bapa	11-12
Libatkan masyarakat dalam bidang keusahawanan	13-14
Perjumpaan Hari Khamis	14
Kukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan generasi muda	15
Saluran pertukaran maklumat kerajaan dan rakyat	16
Didik remaja ke arah pembentukan minda, moral positif	17
Pelajar Sekolah Menengah Sayyidina Husain lawat Jabatan Penerangan	17-18
Hadiri Mesyuarat Kumpulan Kerja Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN	18
Barigakan kefahaman, kesedaran penggunaan banner, bendera negara	19
Kiub jualan Jabatan Penerangan	20
Pelita Brunei perkenalkan Kod QR mulai Januari 2020	21
Aktiviti Sepanjang Bulan November	22

Jabatan Penerangan kenang perjuangan Nabi

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 November. – Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1441 Hijrah / 2019 Masihi di Surau Ibu Pejabat Jabatan Penerangan.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Abdul Momin dan diserikan dengan Ceramah Khas Maulidur Rasul yang disampaikan oleh penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah, Pengiran Haji Reduan bin Pengiran Haji Badaruddin.

Dalam ceramah tersebut, beliau turut mengimbas kembali tentang jasa, pengorbanan dan perjuangan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyebarkan agama Islam selain menyatakan tentang kasihnya Baginda kepada umatnya.

Majlis sambutan diteruskan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar berjemaah dan disusuli dengan Dikir Marhaban yang dikepalai oleh Awang Haji Mahmud Hafidzie bin Haji Awang Ali Mashood manakala Doa Selamat dipimpin oleh Pengiran Arsul.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan menunaikan Sembahyang Fardu Asar berjemaah selepas Ceramah Khas Maulidur Rasul diadakan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan semasa mendengarkan Ceramah Khas Maulidur Rasul yang disampaikan oleh penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah, Pengiran Haji Reduan bin Pengiran Haji Badaruddin.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini bersama pegawai dan kakitangan perempuan Jabatan Penerangan semasa hadir pada majlis tersebut.

Program Masyarakat Bermaklumat terus dipergiatkan

Berita dan Foto: Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



SESI bergambar ramai pada Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Pad Nunok bersama Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

TUTONG, Selasa, 5 November. - Jabatan Penerangan menerusi Cawangan Daerah Tutong mengadakan Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi 21 peserta dari Kampung Pad Nunok, Mukim Kiudang yang diadakan selama dua hari.

Majlis Pembukaan PMB disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit selaku Penghulu Mukim Telisai dan Pemangku Penghulu Mukim Ukong. Majlis berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Kampung Pad Nunok.

Hadir sama pada majlis tersebut, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan dari Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin selaku Pengurus PMB bagi Kampung Pad Nunok.

Dalam ucapan tersebut, Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong menjelaskan bahawa program tersebut akan menjadi landasan yang unggul dalam mempertingkatkan hubungan yang erat dan mesra di antara penduduk kampung bersama Jabatan Penerangan, iaitu dalam usaha menjadikan masyarakat yang kaya ilmu dan bermaklumat.

Program antara lain bertujuan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan melalui sesi taklimat, dialog dan lawatan, agar masyarakat, terutama di peringkat akar umbi dapat memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan dalam sama-sama membangun negara, terutama dalam mencapai Wawasan 2035.

Selain untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan juga usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat seperti melalui taklimat-taklimat dan lawatan-lawatan juga dapat mengukuhkan jati diri dan menyuntik semangat dalam terus memberikan kerjasama dalam mendukung aspirasi negara.

Semasa menyertai program tersebut para peserta dibawa untuk melawat ke beberapa buah jabatan kerajaan dan bukan kerajaan.

Lawatan Program Masyarakat Bermaklumat tingkatkan pengetahuan dan pengalaman

Berita dan Foto: Aimi Sani, Saerah Haji Abd Ghani, Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



PARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) semasa menghadiri sesi taklimat DAre pada 5 November di Kampung Anggerek Desa.



SEBAHAGIAN peserta PMB yang hadir pada sesi taklimat di NDMC pada 5 November.



TAKLIMAT mengenai ‘Konsep Makanan Halal Dalam Islam’ disampaikan oleh Pegawai Pemeriksa Syariah, Dayang Hajah Noraini binti Haji Ghafar di Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama pada 5 November.



SEBAHAGIAN peserta PMB bagi Kampung Pad Nunok, Mukim Kiudang semasa mendengarkan taklimat mengenai ‘Konsep Makanan Halal dalam Islam’ pada 5 November.



PARA peserta PMB semasa mengadakan lawatan ke Rimba Garden Central pada 5 November.



PENYELARAS Projek Syarikat K. N. Nursery (B) Sendirian Berhad, Awang Haji Jamalludin bin Haji Yusoff semasa memberikan taklimat.



PARA peserta PMB ketika mengadakan lawatan ke Studio Rampai Pagi, Radio Televisyen Brunei pada 6 November.



PEMANGKU Ketua Kampung Pad Nunok, Awang Haji Matamit bin Jumat menyampaikan cenderahati kepada penyampai taklimat dari Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah.



PARA peserta PMB bergambar ramai semasa mengadakan lawatan ke Perusahaan RZ Prisma.



PARA peserta PMB mendengarkan penerangan ringkas semasa lawatan ke Syarikat RZ Prisma, Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei.



SALAH satu panel pameran yang terdapat pada Galeri Pameran Bahagian Pelita Brunei.

Galeri Pameran Pelita Brunei

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

GALERI Pameran Bahagian Pelita Brunei bermula pada 10 Oktober 2019 yang memperlihatkan perkembangan serta gerak kerja akhbar Pelita Brunei yang diterjemahkan melalui beberapa panel pameran.

Antaranya memperlihatkan perkembangan Pelita Brunei dari edisi pertamanya pada tahun 1956 sehingga sekarang di mana Pelita Brunei melalui pelbagai perubahan agar terus relevan mengikut kesesuaian peredaran masa dan zaman.

Dalam meniti perjalanan selama enam dekad, *Masthead* atau nama akhbar Pelita Brunei juga mengalami beberapa perubahan dari segi penggunaan mohor kerajaan, warna, logo, tulisan Jawi dan latar belakang bercorak ‘Air Mulih’. Terdapat 11 reka bentuk nama akhbar yang digunakan oleh Pelita Brunei dengan mengekalkan penggunaan mohor kerajaan sejak tahun 1961.

Maklumat-maklumat lain yang dipamerkan pengenalan e-Paper termasuklah tatacara penggunaan e-Paper dan Pelita Brunei *Online*; statistik penggunaan e-Paper Pelita Brunei dimana pada bulan Oktober 2019 menunjukkan kira-kira 51,894 pengguna e-Paper Pelita Brunei diakses oleh pembaca daripada lebih 80 negara di seluruh dunia; cara-cara memuat naik berita dan gambar ke dalam Mobile Apps InfoDeptBN dan sebagainya.

Panel-panel ini juga menerangkan mengenai gerak kerja Seksyen Berita dan Seksyen Kandungan Khas di samping mempamerkan ruang-ruang yang terdapat di dalam Pelita Brunei seperti Alai Pintar, Info Teknologi; Lensa Pelajar dan lain-lain.



SEBAHAGIAN Pelita Brunei yang pernah diterbitkan kini dibukukan bagi sumber rujukan turut di pamerkan.

Semai semangat patriotik pelajar ISB

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan
Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



PEGAWAI Penerangan, Ketua Unit Kenegaraan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris menyampaikan Taklimat Kenegaraan.



SALAH seorang pelajar berjaya menerima hadiah selepas menjawab soalan kuiz.

SALAMBIGAR, Khamis, 7 November. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB).

Seramai 71 pelajar, Tahun 7 dan juga tenaga pengajar sekolah berkenaan menghadiri taklimat yang diadakan di School Theatre Hall, ISB.

Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara, di samping mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui cintakan raja, bendera negara dan lagu kebangsaan.

Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Ketua Unit Kenegaraan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris yang antara lain menyentuh mengenai Raja Kita, Tatacara

menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ‘Allah Peliharakan Sultan’ dengan terperinci.

Pada program tersebut para pelajar turut dihidangkan dengan tayangan klip video ‘Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara’, ‘Semarak Pengibaran Bendera Negara’ dan Video Animasi ‘Tatacara Menaikkan Bendera Negara’, selain mereka juga berpeluang untuk menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

Peroleh pengetahuan menerusi lawatan

Berita dan Foto: Hernie Suliana Haji Othman



ROMBONGAN dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah semasa dialu-alukan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Awang Abdul Karim bin Hamdan.



PELAJAR Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah menerima penerangan mengenai jenis-jenis terbitan yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 November. - Seramai 18 pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Ibu Pejabat Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama Berakas.

Ketibaan rombongan ke Jabatan Penerangan dialu-alukan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Awang

Abdul Karim bin Hamdan.

Lawatan bermula dengan taklimat ringkas yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Nurakram bin Noraini@Bahrin mengenai peranan dan fungsi Jabatan Penerangan.

Rombongan yang diketuai oleh Pegawai Pelajaran ITQSHHB, Awang Abdul Taib bin Haji Jais tersebut kemudiannya dibawa melawat ke beberapa bahagian

di Jabatan Penerangan seperti ke Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik, Unit Fotografi dan Bahagian Pelita Brunei.

Melalui lawatan tersebut, para pelajar memperoleh pengetahuan mengenai peranan, fungsi dan mekanisme Jabatan Penerangan dalam membarigakan maklumat dan mengetahui impak sosial informasi, media pada masa ini.

Unit Hubungan Masyarakat

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

UNIT Masyarakat merupakan salah satu unit di bawah Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan yang diketuai oleh Awang Muhsin bin Haji Muhsin Muhtaddir selaku Pegawai Penerangan.

Mempunyai lapan pegawai dan kakitangan bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab unit berkenaan iaitu seorang Pegawai Penerangan, seorang Penolong Pegawai Penerangan, seorang Pegawai Luar Penerangan dan enam orang Pembantu Pegawai Luar Penerangan.

Unit ini berperanan sebagai platform dua hala antara pihak kerajaan dengan rakyat, dan rakyat dengan kerajaan di samping mendengarkan isu-isu dan *concern* orang ramai melalui Program Sua Muka atau Personal Contact.

Selain itu, unit berkenaan melaksanakan Program Muzakarah Penerangan sebagai projek tahunan Jabatan Penerangan



PROGRAM Muzakarah Penerangan yang pernah diadakan bagi Mukim Mentiri pada bulan Ogos 2017.

yang bertujuan sebagai wadah interaksi dua hala di antara penduduk kampung mengenai isu-isu permasalahan dan mendapatkan jawapan atau penjelasan daripada agensi-agensi kerajaan di mana di sini memperlihatkan betapa sikap prihatin dan pemedulian pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Program Awasi Anak Kitani yang lazimnya melibatkan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan seperti Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Pejabat Peguam Negara dan lain-lain sebagai usaha untuk

manambah dan meningkatkan lagi kesedaran ibu bapa tentang keselamatan serta mengawal anak-anak daripada penyalahgunaan dadah, gejala sosial dan sebagainya.

Sementara, Program Masyarakat Bermaklumat bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan serta usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat melalui taklimat-taklimat serta lawatan-lawatan dengan hasrat untuk mengukuhkan jati diri dan menyuntik semangat dalam sama-sama mendukung aspirasi negara.

Program Awasi Anak Kitani tingkatkan pengetahuan ibu bapa

Berita dan Foto: Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin

TUTONG, Selasa, 26 November. - Program Awasi Anak Kitani (AAK) merupakan salah satu aktiviti tahunan Jabatan Penerangan dengan kerjasama Biro Kawalan Narkotik (BKN); Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) dan Syarikat IT Protective Security Services (ITPSS) Sdn. Bhd.

Ia diadakan di mukim-mukim seluruh negara secara berterusan di keempat-empat daerah bagi memberikan kefahaman kepada masyarakat melalui sesi taklimat dan pameran, terutamanya kepada para ibu bapa dan penjaga.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad hadir pada Program Awasi Anak Kitani pada 26 November di Dewan Utama, Kompleks Kemasyarakatan Pekan Tutong.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon selaku Penghulu Mukim Berakas ‘B’ yang juga menjalankan Hal Ehwal Pentadbiran Mukim Berakas ‘A’ hadir pada program tersebut yang diadakan di Auditorium Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan.

Selain itu, ia juga bagi menambah dan meningkatkan kesedaran ibu bapa tentang pencegahan juga mengawal anak masing-masing daripada penyalahgunaan dan perangkap dadah serta isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan dalam negara.

Sehubungan itu, pada bulan November ini sebanyak tiga siri program telah diadakan secara berasingan.

Pada 26 November, Program AAK telah diadakan di Dewan Utama, Kompleks Kemasyarakatan Pekan Tutong bagi Mukim Pekan Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi program tersebut, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Manakala program yang sama juga telah diadakan sehari sebelumnya di Auditorium Bangunan Tambahan, Ibu Pejabat Jabatan Penerangan bagi Mukim Berakas ‘A’.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon selaku Penghulu Mukim Berakas ‘B’ yang juga menjalankan Hal Ehwal Pentadbiran Mukim Berakas ‘A’.

Juga hadir, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini selaku Pengurus Program AAK berserta 45 peserta termasuk Ketua-ketua Kampung tadahan Mukim Berakas ‘A’.

Awal dari itu Program AAK juga telah diadakan bagi Mukim Kota Batu dan Mukim Kianggeh, di Z’yan Restaurant, Mangrove Paradise Resort, Simpang 912, Kampung Sungai Belukut, Jalan Kota Batu pada 12 November.



SEBAHAGIAN ibu bapa yang menghadiri taklimat tersebut menyaksikan bahan-bahan tegahan yang dipamerkan oleh Biro Kawalan Narkotik.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis selaku Penghulu Mukim Kota Batu dan Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh.

Juga hadir, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini selaku Pengurus Majlis semasa Program AAK berserta Ketua Kampung, Pemangku-pemangku Ketua Kampung dan penduduk kampung dari Mukim Kota Batu dan Mukim Kianggeh.

Sepanjang program diadakan ia disikan dengan beberapa siri taklimat seperti dari Biro Kawalan Narkotik (BKN), Biro Mencegah Rasuah (BMR) dan Syarikat IT Protective Security Services (ITPSS) Sendirian Berhad untuk menambah dan meningkatkan lagi kesedaran ibu bapa tentang pencegahan serta mengawal anak masing-masing daripada penyalahgunaan dan perangkap dadah juga isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan dalam negara.

Selain berpeluang bertanyakan soalan pada sesi soal jawab, mereka juga menyaksikan pameran Mobile Apps Jabatan Penerangan, Jualan Buku Terbitan Jabatan Penerangan serta Pameran dari BKN.



TETAMU kehormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis semasa menyaksikan pameran.

Libatkan masyarakat dalam bidang keusahawanan

Berita: Noraisah Haji Muhammed

Foto: Masri Osman, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



HADIR selaku tetamu kehormat pada program tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput selaku Pemangku Penghulu Mukim Liang.

KUALA BELAIT, Sabtu, 16 November. - Seramai 30 peserta dari penduduk Kampung Pandan ‘A’, Mukim Belait menyertai Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) anjuran Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Kampung Pandan, Belait.

Peserta diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Pandan ‘A’, Awang Haji Sulaiman bin Haji Udin.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput selaku Pemangku Penghulu Mukim Liang.

Juga hadir, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini.



PEGAWAI Pelajaran, Awang Haji Yusof bin Haji Abd. Latif semasa menyampaikan taklimat mengenai Konsep Makanan Halal Dalam Islam dan Proses Pensijilan Makanan Halal.

Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Adi Zamhari bin Awang Haji Yahya selaku Timbalan Pengurus PMB dalam ucapannya antara lain menjelaskan bahawa PMB merupakan salah satu landasan Jabatan Penerangan dalam menyampaikan maklumat rasmi dan maksud kerajaan.

Sehubungan itu, jelas beliau, program diungkayahkan melalui sesi taklimat, dialog dan lawatan agar masyarakat, terutamanya di peringkat akar umbi dapat memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan dalam sama-sama membangun negara terutamanya bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Peserta program juga dibawa ke Ibu Pejabat, Jabatan Penerangan, Bandar Seri Begawan bagi mendengarkan sesi taklimat yang akan diadakan di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.

Taklimat pertama disampaikan oleh pihak Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama mengenai konsep Makanan Halal Dalam Islam dan Proses Pensijilan Makanan Halal yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Awang Haji Yusof bin Haji Abd. Latif dan Pegawai Teknikal, Awang Norhafis Haji Jasni.



TAKLIMAT Peluang-peluang Pelaburan Dalam Sektor Pertanian dan Agrimakanan di Negara Brunei Darussalam disampaikan oleh Ketua Unit Pemantauan dan Pemasaran, Awang Hirman bin Haji Abu dan dibantu oleh Dayang Nurul Maz Juhairah binti Manjul.

Diikuti dengan taklimat Peluang-peluang Pelaburan Dalam Sektor Pertanian dan Agrimakanan di Negara Brunei Darussalam dari pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang disampaikan oleh Ketua Unit Pemantauan dan

Warta Penerangan 14

Pemasaran, Awang Hirman bin Haji Abu dan dibantu oleh Dayang Nurul Maz Juhairah binti Manjul.

Kemudian para peserta juga dibawa melawat ke Pusat Hortikultur, Rimba Garden Central, Kampung Rimba yang memfokuskan kepada perusahaan pertanian dan agrimakanan.

Semasa di pusat tersebut para peserta telah diberikan taklimat oleh Penyelaras Projek Rimba Garden Central, Jamalludin bin Haji Yusoff mengenai latar belakang dan perkembangan syarikat berkenaan.



SEBAHAGIAN peserta semasa melawat ke Pusat Hortikultur, Rimba Garden Central, Kampung Rimba.

Perjumpaan Hari Khamis

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

PERJUMPAAN Hari Khamis merupakan salah satu aktiviti Jabatan Penerangan yang diadakan setiap petang hari Khamis.

Perjumpaan tersebut dihadiri oleh Pegawai-pegawai Kanan Divisyen 2 dan sebahagian Pegawai-pegawai Divisyen 3 yang diadakan di Bilik Mesyuarat, Tingkat 2 Bangunan Tambahan, Ibu Pejabat Jabatan Penerangan.

Antara perkara yang dibincangkan pada perjumpaan tersebut ialah laporan mingguan dari ketua-ketua bahagian, unit dan ketua cawangan selain mendengarkan cadangan, perancangan dan pendapat daripada ahli-ahli panel. Setiap perjumpaan akan diengerusikan secara bergilir-gilir daripada Pegawai-pegawai Kanan.

Dengan adanya perjumpaan seumpama ini secara langsung meningkatkan lagi kerjasama dan mengukuhkan lagi hubungan silaturrahim antara pegawai dan kakitangan selain mengetahui gerak kerja di bahagian, unit dan cawangan di Jabatan Penerangan.



PERJUMPAAN Hari Khamis yang diadakan setiap petang hari Khamis.



PERJUMPAAN Hari Khamis yang dihadiri oleh Pegawai-pegawai Kanan dan pegawai-pegawai Jabatan Penerangan.

Kukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan generasi muda

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan
Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



PEGAWAI Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris selaku Ketua Unit Kenegaraan semasa menyampaikan Taklimat Kenegaraan bertempat di Sekolah Menengah Awang Semaun.



PARA pelajar Sekolah Menengah Awang Semaun semasa mendengarkan taklimat tentang penggunaan bendera negara dengan betul.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 November. - Penghayatan dan pemahaman dalam kalangan generasi muda terhadap pemimpin negara dan lagu kebangsaan serta bendera Negara Brunei Darussalam perlu diserapkan pada diri mereka agar semangat patriotik tidak akan pernah luntur sedari awal.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, bertempat di Perpustakaan Sekolah Menengah Awang Semaun.

Seramai 39 penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan dan tenaga pengajar menghadiri taklimat tersebut.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan,

Ketua Unit Kenegaraan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris yang antara lain menyentuh mengenai Raja Kita, Tatacara Menaik-kibarkan Bendera Negara dan Sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ‘Allah Peliharakan Sultan’ dengan terperinci.

Pada taklimat tersebut, para penuntut juga menyaksikan Klip Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara, Semarak Pengibaran Bendera Negara dan Video Animasi Tatacara Menaikkan Bendera selain berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

Program adalah salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara di samping mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui cintakan raja, bendera negara dan lagu kebangsaan.

Saluran pertukaran maklumat kerajaan dan rakyat

Oleh: Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 November. -

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah mengadakan Program Sua Muka atau lebih dikenali Personal Contact bagi Kampung Sungai Kebun, Kampung Setia ‘B’, Kampung Bolkiah ‘A’ dan Kampung Bolkiah ‘B’, Mukim Sungai Kebun, Daerah Brunei dan Muara bertempat di Dewan Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil.

Rombongan dari Jabatan Penerangan diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mohammad Ede Fadle bin Haji Shamsu.

Turut hadir, Ketua Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir.

Antara yang hadir pada program tersebut ialah Pemangku Penghulu Mukim Sungai Kebun, Ketua Kampung Sungai Kebun dan Kampung Setia ‘B’, selaku Ketua Kampung Setia ‘A’, Awang Haji Asli bin Haji Mamut; Pemangku Ketua Kampung Bolkiah ‘A’ dan Bolkiah ‘B’, Awang Haji Shamsuddin bin Haji Maidin dan penduduk-penduduk Kampung Setia ‘B’, Kampung Sungai Kebun, Kampung Bolkiah ‘A’ dan Kampung Bolkiah ‘B’.

Program bertujuan untuk membentuk dan menggalakkan kesedaran rakyat dan penduduk untuk melahirkan perubahan sikap ke arah yang positif sejajar dengan kepentingan negara selain menyediakan saluran bagi proses



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mohammad Ede Fadle bin Haji Shamsu semasa mengetui rombongan Jabatan Penerangan pada Program Sua Muka tersebut.

pertukaran maklumat antara kerajaan dan rakyat.

Ia juga bagi membarigakan maklumat dan program serta perkembangan dan kemajuan mukim melalui akhbar kerajaan Pelita Brunei yang juga menyampaikan maklumat (isu-isu semasa) dan dasar kerajaan, di samping menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh pihak yang berkenaan.

Antara isu yang dibangkitkan

semasa program tersebut ialah isu-isu yang berkaitan dengan penyediaan prasarana, kemudahan, perusahaan, keselamatan, kebijakan awam, masalah sosial dan kebersihan alam sekitar.

Beberapa perkongsian maklumat seperti Bahan-bahan Kepentingan Nasional - Bendera Negara Brunei Darussalam; Berita Palsu; Mengamalkan Sikap Bergotong-royong dan Isu Kebersihan; Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan dan Kenali Negara Kitani (KNK).



PEMANGKU Pengarah Penerangan ketika mendengarkan cara pembuatan susu kacang soya.



SEBAHAGIAN penduduk yang hadir pada program tersebut.

Didik remaja ke arah pembentukan minda, moral positif

Berita dan Foto : Aimi Sani



PEMANGKU Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris semasa menyampaikan taklimat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 November. - Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan lagi Program Rakan

Remaja Penerangan (RRP) bagi Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA) di Dewan Auditorium Jabatan Penerangan.

Program RRP dihasilkan untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya mereka peka dengan perkembangan semasa serta menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja.

Lebih 50 pelajar serta tenaga pengajar Tahun 10 SM SMJA mengikuti Program RRP yang bertujuan untuk memberikan kesedaran sivik dan semangat kenegaraan terutama kepada golongan remaja ke arah

pembentukan minda dan moral yang positif.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Muhammad Hisyam bin Idris, Pemangku Timbalan Pengetua SM SMJA, Dayang Norazian binti Abdullah.

Majlis dimulakan dengan taklimat ‘Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam’ yang disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.

Program turut diserikan dengan tayangan video klip ‘Kibarkan Bendera Negara Dengan Megah’ diikuti dengan persembahan tarian tradisional kontemporari dengan tajuk lagu Seantero Dunia oleh penuntut sekolah berkenaan serta persembahan nyanyian selain dihiburkan dengan lawak jenaka dan Kuiz Kenegaraan oleh Dayang Hajah Kasumawati binti Haji Buntar dan Haji Mohd Firdaus bin Haji Salleh.



KETUA Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Muhammad Hisyam bin Idris dan Pemangku Timbalan Pengetua SM SMJA antara yang hadir pada Program Rakan Remaja Penerangan.

Pelajar Sekolah Menengah Sayyidina Husain lawat Jabatan Penerangan

Berita dan foto: Unit Penerbitan Melayu



SEBAHAGIAN penuntut diberi pengetahuan cara pembuatan poster semasa melawat ke Unit Seni Grafik.

BERAKAS, Rabu, 20 November. - Seramai 21 pelajar, Tahun 9 dan 10 dari Majlis Perwakilan Pelajar Sekolah Menengah Sayyidina Husain (SMSH), Sengkurong mengadakan Lawatan Sambil Belajar ke Ibu Pejabat Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Rombongan diketuai oleh Guru SMSH, Dayang Sharida binti Jaafar bersama lima guru lain.

Semasa lawatan tersebut, rombongan telah diberikan taklimat ringkas mengenai peranan dan fungsi jabatan berkenaan yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perhubungan Awam, Dayang Nur Zahira binti Osman di Aras II, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

Rombongan kemudian berpeluang dibawa melawat ke beberapa bahagian seperti Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan; Bahagian Pelita Brunei; Unit Fotografi; Pusat Rujukan dan Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik.

Lawatan tersebut bertujuan untuk memberikan pengetahuan mengenai peranan, fungsi dan mekanisme Jabatan Penerangan dalam membarigakan maklumat juga mengetahui impak sosial informasi dan media pada masa ini.



SALAH seorang pegawai dari Unit Penerbitan Inggeris ketika menerangkan bahan-bahan terbitan unit tersebut kepada salah seorang guru pengawas.

Hadiri Mesyuarat Kumpulan Kerja Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN

Berita dan Foto: Unit Hal Ehwal Antarabangsa



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa menghadiri mesyuarat tersebut di Republik Filipina.

REPUlik FILIPINA, Khamis, 21 November. - Mesyuarat Kumpulan Kerja Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN Yang Bertanggungjawab Mengenai Penerangan, Media dan Latihan Kali Ke-5 (5th ASEAN SOMRI WG-IMT) telah berlangsung selama dua hari di Panglao Island, Bohol, Republik Filipina pada 20 hingga 21 November 2019.

Mewakili Jabatan Penerangan sekali gus Negara Brunei Darussalam ke mesyuarat tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dan Pegawai Tugas-Tugas

Khas Tingkat II, Awang Abdul Karim bin Hamdan. Mesyuarat turut dihadiri oleh perwakilan dari negara anggota ASEAN dan juga Sekretariat ASEAN.

Mesyuarat antara lain membincangkan mengenai tindakan-tindakan dan inisiatif yang telah diambil dalam bidang-bidang keutamaan kumpulan kerja, projek-projek bersama rakan-rakan dialog dan pertubuhan antarabangsa serta pelaksanaan dan pemerhatian terhadap Pelan Strategik ASEAN bagi penerangan dan media 2016-2025, membincangkan cara menangani isu penyebaran berita palsu.

Barigakan kefahaman, kesedaran penggunaan banner, bendera negara

Siaran Akbar : Jabatan Penerangan
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



SUASANA semasa Jerayawara Penggunaan Banner, Bendera Negara dan Bahan-bahan yang Mempunyai Kepentingan Nasional Kali Keempat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 November. - Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan lagi siri Jerayawara Penggunaan Banner, Bendera Negara dan Bahan-bahan yang Mempunyai Kepentingan Nasional Kali Keempat, di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Ibu Pejabat Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama Berakas.

Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam membarigakan serta meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan kesedaran awam mengenai penggunaan *banner*, bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan

nasional ke arah menjaga kehormatan negara.

Program jerayawara tersebut diisikan dengan sesi taklimat yang menyasarkan kepada pengurus-pengurus syarikat terpilih, termasuk pengusaha kecil di kawasan Gadong.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris yang menyentuh mengenai kesalahan-kesalahan terhadap penggunaan dan tatacara betul dalam penggunaan *banner*, pengibaran bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional.

Lebih 45 peserta yang terdiri daripada Pengurus dan Penyelia daripada 38 buah syarikat perniagaan di kawasan Gadong hadir pada jerayawara tersebut.

Jerayawara diteruskan dengan Tayangan Video mengenai Bendera Negara dan Tatacara Menaik-kibarkan Bendera Negara dan diakhiri dengan Sesi Soal Jawab.

Juga hadir pada Sesi Soal Jawab pada jerayawara berkenaan, pegawai-pegawai dari Jabatan Adat Istiadat Negara; Jabatan Bandaran dan Unit Stor dan Perbekalan, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.



SALAH seorang peserta ketika mengajukan pertanyaan dalam Sesi Soal Jawab.

Kiub jualan Jabatan Penerangan

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu



KIUB Jabatan Penerangan beri kemudahan untuk mendapatkan barang keperluan.

KIUB jualan Jabatan Penerangan merupakan salah satu kemudahan bagi pegawai dan kakitangan jabatan ini untuk mendapatkan keperluan khususnya barang berbentuk makanan.

Kiub ini bermula sejak pertengahan tahun 2016 dengan berkonsepkan *non profit* iaitu percuma tanpa sewa dengan keselamatan dan penjagaan di bawah tanggungjawab pemilik.

Pada awalnya kiub ini dikendalikan oleh Unit Stor dan Estet dan di letakkan berdekatan dengan Unit Stor dan Estet.

Pada peringkat awal pemilihan pemilik adalah berdasarkan siapa awal didahului manakala pemilihan nombor kiub berdasarkan undian.

Pada awal kewujudannya kiub tersebut ianya berjumlah 24 dan atas permintaan ramai kiub tersebut terus bertambah sejak 2018.



ANTARA barang jualan yang terdapat pada Kiub Jabatan Penerangan.

Pelita Brunei perkenalkan Kod QR mulai Januari 2020

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 November.- Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri akan memperkenalkan penggunaan Kod QR bagi iklan tawaran/sebut harga yang akan dimuatkan dalam ruang iklan akhbar Pelita Brunei bermula 1 Januari 2020.

Sebagai persediaan awal dalam memberikan kefahaman mengenai kod tersebut, seramai 110 pegawai dan kakitangan dari pelbagai kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan menghadiri taklimat mengenainya yang diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Ibu Pejabat Jabatan Penerangan.

Taklimat mengenai penggunaan Kod QR tersebut disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan Kanan selaku Ketua Seksyen Kandungan Khas, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.

Bagi menambah kefahaman para peserta turut ditunjukkan mengenai penggunaan Kod QR tersebut melalui demonstrasi dan diakhiri dengan Sesi Soal Jawab.

Dengan penggunaan Kod QR ini secara langsung Pelita Brunei telah melangkah setapak ke hadapan dalam memberikan perkhidmatan serta kemudahan kepada orang ramai untuk mendapatkan maklumat dengan mudah selain dapat menjimatkan ruang dengan lebih maksima.



PEMANGKU Pegawai Penerangan Kanan selaku Ketua Seksyen Kandungan Khas, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya semasa menyampaikan taklimat.



SEBAHAGIAN pegawai dari pelbagai kementerian dan jabatan semasa hadir pada taklimat tersebut.

Aktiviti Sepanjang Bulan November



PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Penerangan semasa menghadiri Majlis Dikir di Masjid Omar ‘Ali Saifuddien pada 2 November sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



MAJLIS Dikir di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit Kampung Madang pada 5 November sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



PARA pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan semasa hadir pada Majlis Penutup Dikir Jabatan Perdana Menteri sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Masjid Ash-Shaliheen.



SEBAHAGIAN pegawai dari Jabatan Penerangan semasa hadir pada Majlis Penutup Dikir Jabatan Perdana Menteri sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Masjid Ash-Shaliheen.



JABATAN Penerangan ketika turut serta dalam pameran Riadah Amal sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam 2019.



PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Penerangan semasa menghadiri Taklimat Program Peningkatan Kesedaran Mengenai Halal.



جوالن بوکو تریتین جابتن قزعن

JUALAN BUKU-BUKU TERBITAN JABATAN PENERANGAN

DAPATKAN SEKARANG!

HIMPUNAN TITAH



BRUNEI TODAY



Edisi	Harga
Sept 2017 - Jubli Emas	\$3.50
Jun 2018	\$2.50
September 2018	\$2.50
Disember 2018	\$2.50
Mac 2019	\$2.50



Harga
\$3.50

KOMPILASI
SABDA ANAKANDA
2011-2016



Harga
\$4.00

BRUNEI-MUARA
DISTRICT



Harga
\$3.50

BELAIT
DISTRICT

TUTONG
DISTRICT

TEMBURONG
DISTRICT

**CAWANGAN
DAERAH TEMBURONG**
BANGUNAN JABATAN-JABATAN
KERAJAAN, DAERAH TEMBURONG,
BANGAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TALIAN : 5221342

**CAWANGAN
DAERAH TUTONG**
BANGUNAN JABATAN-JABATAN
DAERAH TUTONG, TA1314,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TALIAN : 4220290

**CAWANGAN
DAERAH BELAIT**
PEJABAT PENERANGAN
SERIA JALAN BOLKIAH, SERIA,
KB433, DAERAH BELAIT,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TALIAN : 3224636

Waktu Perniagaan

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg

Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

BUKU-BUKU BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT SOKONGAN, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>

<http://www.information.gov.bn>

<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

<http://www.infofoto.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Like us on
Facebook

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



[@infodept_bn](http://infodept_bn)

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Faks : 2382242**